



KOMPONEN	SEMESTER 1			SEMESTER 2		
	KOD	KURSUS	KREDIT	KOD	KURSUS	KREDIT
MODUL KURSUS UMUM	UBI1012	Bahasa Inggeris I	2	UBI1022	Bahasa Inggeris II	2
	UBA2012	Bahasa Arab I	2	UBA2022	Bahasa Arab II	2
	MUS00102	Adab Dan Etika Sosial	2	UK_10_1	Ko-Kurikulum II	1
	UK_10_1	Ko-Kurikulum I	1			
		JUMLAH KREDIT	7		JUMLAH KREDIT	5
MODUL TERAS	KOD	KURSUS	KREDIT	KOD	TREK SAINS SOSIAL KURSUS	KREDIT
	MFT00104	Matematik I	4	MFT00504	Prinsip Akaun	4
	MFT00203	Biologi	3	MTE00503	Pengenalan Kepada Teknologi Maklumat dan Komunikasi	3
	MFT00304	Kimia	4	MFT01104	Pemikiran Kreatif dan Kritikal	4
	MFT00404	Fizik	4	MFT00904	Pengenalan Kepada Sains Sosial	4
	JUMLAH KREDIT	15		JUMLAH KREDIT	15	
MODUL ELEKTIF	KOD	KURSUS	KREDIT	KOD	KURSUS	KREDIT
	MBK00103	Pengenalan kepada Keusahawanan	3	MBK00203	Kemahiran dan Gelagat Usahawan	3
				MBK00302	Pengenalan kepada Internet (Kebendaan dalam Perniagaan)	2
	JUMLAH KREDIT KESELURAHAN	25		JUMLAH KREDIT KESELURAHAN	25	



LALUAN AKADEMIK

LEPASAN TREK SAINS

- FAKULTI SAINS BUMI (FSB)
- FAKULTI INDUSTRI ASAS TANI (FIAT)
- FAKULTI BIOKEJURUTERAAN & TEKNOLOGI (FBKT)
- FAKULTI SENIBINA & EKISTIK (FSE)
- FAKULTI PERUBATAN VETERINAR (FPV)



CARA MEMOHON

Pemohonan kemasukan ke program ini adalah melalui sistem permohonan UPU (Kod: UL0010001).

<https://upu.mohe.gov.my>

Untuk maklumat lanjut sila layari www.ascent.umk.my



Hubungi kami:

Pusat Pengajian Asasi (UMK-AsCent)
Universiti Malaysia Kelantan
Kampus Jeli

17600, Jeli, Jelantan.

Tel: (09) 947 7206 E-mel: ascent@umk.edu.my

FOLLOW US



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



PROGRAM
ASASI SAINS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Saintis Berminda Keusahawanan
Peneraju Masa Depan Negara

LATAR BELAKANG

Program Asasi Sains UMK merupakan salah satu program yang ditawarkan di Pusat Pengajian Asasi, Universiti Malaysia Kelantan (UMK-AsCent). Program Asasi Sains UMK merupakan program unik yang mampu melahirkan bakal pelajar yang berpengetahuan dalam bidang sains dan sains sosial serta mempunyai kemahiran yang tinggi dalam bidang keusahawanan dengan kurikulum dan pendekatan dalam pengajaran yang berbeza. Berdasarkan gabungan mantap subjek sains, sains sosial dan subjek keusahawanan, pelajar daripada program ini akan dapat memenuhi keperluan program Ijazah Sarjana Muda yang ditawarkan di UMK terutamanya dalam bidang sains bumi, industri asas tani, biokejuruteraan & teknologi, perubatan veterinar, senibina & ekistik, keusahawanan & perniagaan, teknologi kreatif & warisan, hospitaliti, pelancongan & kesejahteraan serta pengajian bahasa & pembangunan insan yang memerlukan pelajar berkualiti dalam akademik dan insaniah yang terpuji.

MATLAMAT PROGRAM

Program ini akan menyediakan pelajar lepasan SPM berkenaan asas dan pengetahuan yang kukuh dalam kursus sains, sains sosial dan keusahawanan agar mencapai piawai dan kualiti yang tinggi untuk ke program Ijazah Sarjana Muda di UMK.



SYARAT KEMASUKAN

Syarat Umum

- ✓ Program Asasi Sains UMK ini terbuka kepada semua pelajar Warganegara Malaysia. Pemohon adalah terdiri daripada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan mestilah berumur tidak melebihi 20 tahun pada tahun permohonan.

Syarat Kelayakan Minimum

- ✓ Mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.
- ✓ Mendapat sekurang-kurangnya Gred E dalam mata pelajaran Sejarah.
- ✓ Mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam EMPAT (4) mata pelajaran DAN Gred D dalam SATU (1) mata pelajaran berikut:
 - Biologi
 - Kimia
 - Fizik
 - Matematik Tambahan
 - Matematik
 - Sains Tambahan
 - Bahasa Inggeris
 - Asas Kelestarian
 - Reka Cipta
 - Sains Komputer
 - Pengajian Kejuruteraan Awam
 - Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
 - Pengajian Kejuruteraan Mekanikal
 - Lukisan Kejuruteraan
 - Grafik Komunikasi Teknikal
 - Pendidikan Seni Visual
 - Prinsip Perakaunan
 - Pertanian
- ✓ Calon tidak mempunyai ketidakupayaan fizikal/ anggota sehingga menyukarkan kerja-kerja amali.



TEMPOH PENGAJIAN

Tempoh pengajian Program Asasi Sains UMK adalah selama **1 Tahun (2 Semester)**.



STRUKTUR YURAN

*Calon yang berjaya berpeluang memohon Bantuan Kewangan Asasi (BKA).

JENIS BAYARAN	SEM 1 (RM)	SEM 2 (RM)
Yuran Pendaftaran* <i>(Sekali sepanjang pengajian)</i>	180.00	-
Penginapan	400.00	400.00
Yuran Pengajian	215.00	215.00
Yuran Perkhidmatan <i>(Komputer & ICT, Perpustakaan, Kesihatan)</i>	480.00	505.00
Insuran Pelajar	25.00	25.00
JUMLAH	1,300.00	1,145.00
JUMLAH KESELURUHAN	2,445.00	